

(b) Senarai Semakan Mengemukakan Tender

Dokumen Tender yang dikeluarkan kepada petender mestilah disertakan dengan senarai semakan mengemukakan tender. Lazimnya senarai semakan ini dikepilkan/dijilidkan dan dikemukakan bersama Dokumen Tender. Senarai semakan yang perlu disediakan ialah senarai semakan untuk petender mengemukakan tender³ dan senarai semakan dokumen wajib⁴.

(c) Borang Kontrak

- (i) Borang Kontrak merupakan satu dokumen yang memperuntukkan hak-hak dan tanggungan-tanggungan yang mengikat pihak-pihak yang berkontrak dalam melaksanakan projek pembinaan.
- (ii) Borang Kontrak [P.W.D. FORM 203A (Rev.2007)] untuk kontrak berasaskan senarai kuantiti dan Borang Kontrak [P.W.D. FORM 203 (Rev.2007)] untuk kontrak berasaskan lukisan dan spesifikasi, mestilah menjadi salah satu dari dokumen didalam Dokumen Meja Tender. Jika diperlukan ia juga boleh diberikan kepada petender bersama-sama dengan Dokumen Tender.
- (iii) Borang Kontrak juga membolehkan peruntukan khas kepada Syarat-syarat Kontrak dimasukkan. Peruntukan-peruntukan khas yang perlu dimasukkan buat masa ini ialah:
 - (1) Pelaksanaan Syarat Perubahan Harga Bahan-bahan Binaan.⁵
 - (2) Bayaran Wang Pendahuluan ke atas Kontrak Kerja (Lampiran 5F).
 - (3) Penggunaan Bahan/Barangan/Perkhidmatan Tempatan dan Perolehan Kerajaan⁶
 - (4) Dasar Pengagihan Kerja Kepada Kontraktor Kelas E dan F⁷

³ Surat Arahan KPKR ruj.(25)d/m.JKR.KPKR.020.050/03 Jld.2 bth 11 Mac 1999

⁴ Surat Arahan CKUB ruj.(1)JKR: UB.123/SPKP/014 bth 2 Okt 2009

⁵ Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008

⁶ Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2002

⁷ Surat Arahan KPKR Bil.2/2010 bertarikh 5 April 2010